

**012 BAHASA MELAYU KERTAS 2
TAHUN 6**

MASA : 1 Jam 15 minit

NAMA : _____

TAHUN : 6 _____

ANGKA GILIRAN : _____

SOALAN	MARKAH	%
A		
B		
C		
JUMLAH		

**BAHAGIAN A
(10 markah)
Masa :15 minit**

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah ini.



BAHAGIAN B
(30 markah)
Masa : 40 minit

*Tulis karangan tentang tajuk-tajuk di bawah ini yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah kata.***

- 1 Persatuan beruniform yang anda sertai akan menganjurkan perkhemahan di suatu kawasan hutan lipur. Sebagai setiausaha, anda dikehendaki menulis surat kepada Guru Besar untuk memaklumkan aktiviti tersebut serta meminta keizinannya.
Tulis surat tersebut selengkapnya.
- 2 Bersempena dengan sambutan Hari Guru, anda selaku wakil murid diminta menyampaikan syarahan yang ditujukan khusus kepada para guru.
Tulis teks syarahan tersebut dengan menyentuh penghargaan murid terhadap jasa guru.
- 3 Anda mendapati murid-murid sekolah anda mengabaikan kebersihan di dalam dan di sekitar kawasan sekolah. Anda ingin mencadangkan cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut.
Tulis cadangan anda itu selengkapnya.

BAHAGIAN C
(20 markah)
Masa : 20 minit


*Tulis nilai/pengajaran yang dapat anda peroleh daripada sajak di bawah ini. Panjangnya jawapan anda mestilah **tidak kurang daripada 50 patah kata.** Tulis jawapan anda dalam satu perenggan.*

Malaysia Maju

Ayuh kawan, teman seperjuangan,
Bersama hayati matlamat wawasan,
Majukan negara jauh ke depan,
Jangan sampai kita ketinggalan.

Bersopan santun amalkan berterusan,
Bantu-membantukekalkan berpanjangan,
Jati diri yang unggul kita mantapkan,
Masyhurlah nama negara zaman-berzaman.
Berkibar megah Jalur Gemilang,

Simbol kedaulatan negara cemerlang,
Biar menggunung cabaran mendatang,
Rakyat yang berbakti bersedia menentang.



SET 1 08

Soalan 1 - 17

1 Pak Uda telah menetap di kawasan _____ itu sejak dua puluh lima tahun yang lalu.

- A dalaman
 - B pedalaman
 - C pendalaman
 - D mendalamkan
-

2 _____ duduk dahulu kerana majlis ini akan bermula tidak lama lagi.

- A Sila
 - B Minta
 - C Harap
 - D Jangan
-


3 _____ daripada pekerja kilang elektronik itu berasal dari Pantai Timur Semenanjung.

- A Semua
 - B Segala
 - C Lima puluh peratus
 - D Para
-

4 _____, ambil semua pakaianmu dan berambus dari sini!

- A Wah
 - B Aduh
 - C Ah
 - D Nah
-

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai berdasarkan gambar di bawah.



5 Majlis perkahwinan abang berlangsung _____ pukul 12.00 tengah hari hingga _____ pukul 6.00 petang.

- A dari ... kepada

B daripada ... ke

C dari ... ke

D daripada ...
kepada

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 6 "Senaraikan nama _____ yang terlibat dalam kebakaran itu. _____ akan dapatkan bantuan segera," kata Yang Berhormat itu kepada Tok Penghulu.


A kalian ... Kita
B mereka ... Saya
C dia ... Beliau
D mereka ... Beliau

- 7 Fatimah membelikan _____ baju kurung dan _____ selendang untuk dihadiahkan kepada ibunya.

A sepasang ... sehelai
B sehelai ... sepasang
C secarik ... sepasang
D sepasang ... sepasang

-
- 8 Afina berpuasa hari ini. _____, dia menolak pelawaan saya untuk makan tengah hari

A Oleh sebab itu
B Akhirnya
C Mungkin
D Lagipun



Gambar 1

- 9 Puan Amira _____ menggubah bunga ketika saya pergi ke rumahnya tadi.

A masih
B mesti
C harus
D telah

-
- 10 Tarian kuda kepang, zapin, dan ghazal _____ kesenian tradisional yang terkenal di Johor.

- A ialah
B bukan
C adalah
-

11 Puan Badariah dan suaminya bercadang untuk memelihara _____ itu.

- A anak buah
B anak emas
C anak yatim
D anak tunggal
-



Gambar 2

12 Minat Julia _____ bidang muzik tidak pernah padam walaupun ditentang oleh ibu dan ayahnya.

- A terhadap
B umpama
C dengan
-

13 Kata-kata sindirannya yang menyakitkan hati masih _____ walaupun sudah dua hari peristiwa itu berlaku.

- A terngiang-ngiang
B bergerak-gerak
C terkulat-kulat
D berapi-api
-

14 "_____ mesti sampai di kaki Gunung Tahan sebelum matahari terbenam," kata Encik Rahman kepada peserta-peserta ekspedisi itu.

- A Kalian
B Beliau
C Awak
D Anda
-

15 Ahmad kesiangan, dia terpaksa melalui _____ supaya tidak terlewat ke sekolah.


- A jalan mati

- B jalan pintas
- C jalan tengah
- D jalan belakang

16 _____ tentang niat Tok Nading yang ingin berkahwin lagi telah tersebar luas di kampung kami.

- A Atas angin
- B Bawah angin
- C Makan angin
- D Khabar angin

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai** berdasarkan gambar.



RAJAH 3

17 _____ monyet bergayutan di _____ pokok rambutan.

- A Seekor ... sebuah
- B Sekawan ... sebuah
- C Seekor ... sebijji
- D Sekawan ... sebatang

18 Kalung mutiara sejati yang dipakai oleh Datin Sarimah itu mahal harganya. **Perkataan seerti** bagi sejati ialah

- A benar
- B tulen
- C pasti
- D jelas

Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang **bergaris**.

19 Parlimen di Malaysia akan dibuka oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong pada setiap kali pilihan raya umum diadakan. Perkataan berlawan bagi dibuka ialah


- A dibatalkan
- B diawalkan
- C dibubarkan
- D dimansuhkan

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 20
- I. Mak Minah berasa haus kerana cuaca hari itu panas terik.
 - II. Kanak-kanak itu haus kasih sayang ibu bapanya.
 - III. Batu-batu di tepi sungai itu haus dihakis air.
 - IV. Pengembala yang ditemui mati di padang pasir itu mungkin kerana haus.

- A I dan III sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.



Gambar 4

- 21
- I. Air Tasik Chini sememangnya dalam.
 - II. Banyak kemudahan awam telah disediakan di kawasan dalam.
 - III. Doktor itu mempunyai pengetahuan yang dalam tentang penyakit itu.
 - IV. Mereka sedang berbaring di dalam bilik

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22
- I. Jalan cerita "Apakah Dosaku" yang ditulis oleh Adibah sangat menarik.
 - II. Haleeda menarik nafas lega apabila mendapat tahu anaknya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan UPSR yang lalu.
 - III. Sempena menyambut Hari Guru tahun ini, Sekolah Kebangsaan Kampung Sireh akan mengadakan acara menarik tali antara guru-guru dan murid-murid.
 - IV. Wajah pelakon lelaki itu sangat cantik dan menarik.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II dan III sahaja

Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang diberikan.

- 23 Adik bertanya kepada kakak, "Di manakah emak dan ayah, kak?" Lalu kakak menjawab, "_____."

- A Mereka pergi ke Kuala Lipis
B Mereka tidak pergi ke Kuala Lipis
C Emak dan ayah baru saja pergi sebentar tadi
D Mereka pergi dengan menaiki kereta yang disewa daripada Pak Hasan
-

Pilih soalan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

- 24 Saya akan belajar di Universiti Malaya tahun hadapan.
A Bagaimanakah kamu belajar di Universiti Malaya?
B Mengapakah awak belajar di sana?
C Di manakah awak akan belajar tahun hadapan?
D Siapakah yang akan berjaya ke Universiti Malaya?
-

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 25 Amir menjual air tebu di pasar tani.

- A Di pasar tani, Amir menjual air tebu.
B Air tebu dijual oleh Amir di pasar tani.
C Tebu air dijual oleh Amir di pasar tani.
D Menjual air tebu di pasar tani oleh Amir.
-

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 26 Emak tidak membenarkan abang menyertai rombongan itu.

- A Emak dilarang abang daripada menyertai rombongan itu.
B Abang disuruh oleh emak untuk menyertai rombongan itu.
C Emak ditegah daripada menyertai rombongan itu oleh abang.
D Abang tidak mendapat kebenaran emak untuk menyertai rombongan itu.
-

Soalan 27 - 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 27 Kawasan di perkarangan rumahnya sentiasa semerbak dengan bau bunga-bungaan.

- I. Tandas murid lelaki hancing sungguh.
II. Seniman tersohor itu telah meninggal dunia.
III. Kebanyakan remaja yang lari dari rumah berumur belas tahun.

- A II dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja
-

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 28 Buku kerja Matematik saya itu ada pada guru besar.

- I. Adik tidur dari petang hingga malam kerana keletihan.

- II. Buku Laporan Kemajuan itu telah diserahkan kepada ayah untuk ditandatangani.
- III. Semua murid-murid miskin dikehendaki berkumpul di dewan terbuka.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang betul.

29 Bunga telur yang cantik itu untuk para jemputan

- I. Di antara buah-buahan yang saya gemari ialah durian dan nangka
- II. Cik Azlina yang bekerja di pejabat itu berasal daripada Johor
- III. Pasukan bola sepak itu mendapat tempat pertama kerana pemain-pemainnya berpengalaman

- A I dan II
- B II dan IV
- C III dan IV
- D I dan IV

Pilih ayat-ayat yang betul.

30 Ayah sedang memotong rumput di halaman rumah.

- I. Surat itu ditulis oleh saya.
- II. Batang pokok durian itu besarnya sepemeluk.
- III. Pendapatnya kurang lebih RM 300 sebulan

- A I dan III sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

KUALA LUMPUR, 5 Mac - Malaysia telah berjaya menempa sejarah dalam Sukan Komanwel ke-XVI dengan merangkul jumlah pungutan pingat yang terbanyak negara sepanjang temasya sukan ini diadakan.

Selepas sebelas hari pertandingan, Malaysia berjaya meraih 36 buah pingat secara keseluruhan iaitu 10 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa. Malaysia menamatkan sukan kedua terbesar di dunia ini dengan menduduki tangga keempat dalam senarai pungutan pingat di belakang Australia, England dan Kanada.

10 buah pingat emas negara itu telah berjaya dipungut melalui acara bowling berpasangan dan perseorangan lelaki oleh Kenny Ang dan Ben Heng. Pingat emas ketiga negara telah dikutip oleh Nurul Huda Baharin melalui acara menembak "air-rifle". Mohd Hidayat Hamidon pula berjaya meraih pingat emas keempat negara melalui acara angkat berat. Pasukan badminton lelaki negara pula meraih tiga pingat emas melalui acara berpasukan, berpasangan dan perseorangan. Puteri-puteri gimnas negara berjaya merangkul pingat emas kelapan negara melalui acara gimrama. Sapok Biki, peninju muda dari Sarawak, berjaya meraih pingat emas kesembilan negara. Satu-satunya pingat daripada acara olahraga diperoleh melalui G.Saravanan dalam acara 40

kilometer

berjalan

kaki

lelaki.

Sasaran lapan pingat emas negara telah melebih jangkaan. Semangat 'Malaysia Boleh' telah merealisasikan sasaran *kutipan* pingat negara.

31 Negara manakah yang telah menduduki tangga keempat dalam Sukan Komanwel ke-XVI?

- A Australia
 - B Malaysia
 - C England
 - D Kanada

32 Malaysia telah menempa sejarah dalam Sukan Komanwel ke-XVI kerana berjaya memperoleh

- A 10 pingat emas
 - B 36 buah pingat dalam masa 11 hari pertandingan
 - C pingat terbanyak sepanjang sukan ini diadakan
 - D pingat emas dalam acara boling berpasangan dan perseorangan lelaki

33 Pernyataan yang manakah **benar** tentang acara sukan tersebut?

- A Malaysia telah mensasarkan 10 kutipan pingat emas
 - B Sapok Biki memperoleh pingat emas dalam acara olahraga
 - C Nurul Huda Baharin telah mengutip pingat emas ketiga negara
 - D Negara Australia berada di belakang Malaysia dalam senarai pungutan pingat

34 Perkataan '*kutipan*' dalam petikan bermaksud _____.

- A kalungan
 - B sentuhan
 - C pungutan
 - D pulangan

35 Acara sukan berikut **tidak** termasuk dalam senarai pungutan pingat oleh Malaysia.

(ID:1111239198711)

- A Angkat berat
 - B Boling berpasangan
 - C Menembak 'air rifle'
 - D 4 kilometer berjalan kaki lelaki

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang saya hormati Tuan Pengurus Majlis, panel hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru besar, guru-guru pengiring, barisan pembangkang serta hadirin sekalian. Selamat pagi dan selamat sejahtera saya ucapkan.

□ "Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam menentukan kejayaan akademik anak-anak. □" Itulah tajuk perbahasan hari ini yang sudah tentunya saya sebagai pencadang amat menyetujuinya.

Bermula dari kandungan sehingga dilahirkan, anak-anak sudah pun mendapat didikan daripada ibu bapa mereka. Sebelum bermula alam persekolahan, ibu bapa telah pun mananam minat terhadap pelajaran kepada anak-anak. Setelah memasuki alam persekolahan ibu bapa masih lagi berperanan mengawasi proses pembelajaran anak-anak mereka.

Walaupun pendidikan akademik tidak diajar secara formal di rumah, tetapi sebagai ibu bapa, mereka masih lagi mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. Mereka akan memastikan anak-anak sentiasa mengulang kaji pelajaran agar pencapaian mereka dapat ditingkatkan.

Tidak hanya di sekolah sahaja, ibu bapa masih lagi berusaha supaya anak-anak mereka cemerlang. Mereka akan menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran kepada anak-anak dan sesetengah ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tambahan. Semuanya ini bertujuan supaya anak-anak mereka mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran.

Anak-anak yang berjaya patut terus didorong dan diraikan agar mereka lebih bersemangat untuk belajar. Mereka akan rasa dihargai.

Oleh itu, sekali lagi saya tegaskan ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam menentukan kejayaan akademik anak-anak. Sekian, terima kasih.

36 Perbahasan ini diadakan di peringkat

- A negeri.
 - B daerah.
 - C sekolah.
 - D kebangsaan.
-

37 Mengikut pendapat pencadang

- A pendidikan bermula di rumah.
 - B pendidikan bermula di tadika.
 - C pendidikan bermula di sekolah.
 - D pendidikan bermula di prasekolah.
-

38 Pendidikan Formal boleh di dapati

- A di rumah.
 - B di sekolah.
 - C di dalam kandungan.
 - D daripada kawan-kawan.
-

39 Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke kelas tambahan bertujuan

- A supaya mereka dapat berehat.

B supaya anak-anak dapat bersama kawan-kawan.

C supaya dapat memenuhi masa lapang anak-anak.

D supaya anak-anak mencapai kejayaan cemerlang.

40 Anak-anak perlu digalakkan mengulang kaji pelajaran supaya

A sentiasa belajar.

B meningkatkan kejayaan.

C dapat memenuhi masa lapang.

D dapat membantu kawan-kawan.
